



Kandungan

Penyata Kewangan 2003

156	Laporan Para Pengarah
161	Penyata Para Pengarah
161	Akuan Berkanun
162	Laporan Juruaudit kepada Para Ahli
163	Kunci Kira-kira
164	Penyata Pendapatan
165	Penyata Perubahan Ekuiti
166	Penyata Aliran Tunai
168	Nota Penyata Kewangan



Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

Kegiatan-kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama syarikat subsidiarinya adalah ditunjukkan di Nota 26 penyata kewangan. Tidak ada sebarang perubahan ketara pada kegiatan-kegiatan tersebut sepanjang tahun kewangan ini.

Keputusan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	11,929	3,357

Rizab dan Peruntukan

Tidak ada pemindahan penting kepada atau daripada rizab peruntukan pada tahun tersebut.

Dividen


Semenjak berakhirnya tahun kewangan yang lalu, Syarikat telah membayar dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 5% yang berjumlah RM2,226,050 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 pada 15 Julai 2003.

Para Pengarah mencadangkan bahawa pembayaran dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 5% dan dividen khas dikecualikan cukai sebanyak 2% yang berjumlah RM3,139,500 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Para Pengarah Syarikat

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas terdiri daripada:

Lt. Jen. (B) Datuk Hj. Abdul Aziz bin Hassan
Chan Fook Kong
Mej. Jen. (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin
Mej. Jen. (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman
Geh Cheng Hooi
Dr. Lai Mei Ling
Tan Teng Man
Wong Weng Foo
Dato' Syed Md Amin bin Syed Jan Aljeffri (dilantik pada 15.8.2003)
Peter Roderick Downing (dilantik pada 25.8.2003)
James Campbell Irvine (meletak jawatan pada 17.6.2003)
Chan Choon Ngai (meletak jawatan pada 17.6.2003)
Yap Swee Hee (Pengarah gantian kepada James Campbell Irvine; tamat sejak 17.6.2003)




Pegangan dan yang dianggap sebagai pegangan dalam saham biasa Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan (selain daripada subsidiari yang dimiliki sepenuhnya) dimana mereka adalah para Pengarah pada tahun berakhir seperti yang dicatatkan dalam buku Daftar Pengarah Pemegang Saham adalah seperti berikut:-

Bilangan saham biasa pada RM1 sesaham

	Pada 1.1.2003	Beli	Jual	Pada 31.12.2003
<i>Pegangan saham dimana para Pengarah mempunyai kepentingan langsung</i>				
Kepentingan Chan Fook Kong dalam:				
Tien Wah Press Holdings Berhad	-	50,000	-	50,000
Kepentingan Mej. Jen. (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin dalam:				
Angkaganda Sdn. Bhd.	510	-	-	510
<i>Pegangan saham dimana para Pengarah dianggap mempunyai kepentingan</i>				
Kepentingan Wong Weng Foo dalam:				
Tien Wah Press Holdings Berhad	11,025,000	-	-	11,025,000
Paper Base Converting Sdn. Bhd.	1,020,000	-	-	1,020,000
Interbobbin (Malaysia) Sdn. Bhd.	2,550,000	-	(1,050,000)	1,500,000
Angkaganda Sdn. Bhd.	490	-	-	490
Kepentingan Chan Fook Kong dalam:				
Paper Base Converting Sdn. Bhd.	980,000	-	-	980,000

Pada 24 Februari 2003, Syarikat telah dikecualikan dari mendedah nama para Pengarah dan bilangan opsyen yang diberi oleh Malaysia Komisen Syarikat dalam ESOS Syarikat tawaran yang ke-empat.

Tidak ada Pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Disember 2003 yang mempunyai sebarang kepentingan dalam saham biasa Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya pada tahun kewangan.



Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Manfaat Para Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau menjadi layak menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang telah diterima atau akan diterima oleh para Pengarah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau gaji tetap sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat atau syarikat-syarikat yang berkaitan) atas sebab-sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma dimana Pengarah berkenaan adalah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat dimana Pengarah memiliki kepentingan kewangan yang besar.

Tidak ada sebarang urusan yang dibuat sepanjang dan pada akhir tahun kewangan yang bertujuan membolehkan para Pengarah memperoleh manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau sebarang perbadanan yang lain, selain dari Skim Opsyen Saham Eksekutif ("ESOS").

Terbitan Saham

Sepanjang tahun kewangan, pihak Syarikat telah menerbitkan 1,166,000 saham biasa yang bernilai RM1 sesaham pada harga terbitan RM1.30 hingga RM1.93 sesaham selaras dengan pelaksanaan hak dibawah ESOS.


Opsyen dibenarkan keatas saham-saham yang belum diterbitkan

Tidak ada opsyen diberikan kepada sesiapa untuk memiliki saham-saham yang tidak diterbitkan bagi Syarikat pada tahun ini kecuali ESOS.

ESOS Syarikat telah diluluskan oleh para pemegang saham di dalam Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 5 Februari 1998. Kebenaran telah diberi kepada Lembaga Pengarah Syarikat untuk menubuhkan dan mentadbir ESOS untuk manfaat eksekutif yang layak dan para Pengarah eksekutif sepenuh masa Syarikat dan subsidiarinya. ESOS telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekutiri pada 21 Oktober 1997.

Ciri-ciri penting ESOS adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah bilangan saham-saham yang tersedia tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal terbitan dan berbayar Syarikat pada sebarang masa semasa kewujudan ESOS ini.
- (ii) Semua eksekutif yang layak termasuk para Pengarah eksekutif Kumpulan sepenuh masa yang telah berkhidmat secara berterusan sekurang-kurangnya duabelas (12) bulan dari Tarikh Tawaran sementara semua eksekutif asing sepenuh masa mesti berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun pada tarikh tawaran.
- (iii) Opsyen tidak akan diberikan untuk saham yang kurang daripada 1,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham.
- (iv) Harga Opsyen akan ditentukan melalui sebutharga pasaran min purata saham biasa Syarikat seperti tersebut dan ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian oleh Bursa Sekuriti Malaysian Berhad untuk lima (5) hari pasaran sebelum Tarikh Tawaran atau pada nilai tara saham biasa Syarikat, yang mana lebih tinggi.
- (v) ESOS akan terus berkuatkuasa untuk tempoh selama lima (5) tahun bermula dari tarikh penerimaan kelulusan syarat terakhir.



Pergerakan opsiyen untuk mengambil saham biasa yang belum diterbitkan berharga RM1 sesaham dan harga opsiyen adalah seperti berikut:

**Bilangan opsiyen dari
saham biasa RM1 sesaham**

Opsyen	Harga opsiyen	Pada 1.1.03	Diberi pada tahun ini	Diterima pada tahun ini	Pada 31.12.03
Pertama	1.30	1,996,400	—	(678,000)	1,318,400
Kedua	1.80	394,800	—	(112,000)	282,800
Ketiga	1.93	142,800	—	(58,000)	84,800
Keempat	1.32	—	820,000	(318,000)	502,000
		2,534,000	820,000	(1,166,000)	2,188,000

Pada 2 Januari 2003, Syarikat telah mendapat kebenaran daripada Suruhanjaya Sekuriti mengenai pemanjangan jangka masa ESOS ke tempoh lima (5) tahun lagi dari 5 Februari 2003 hingga 4 Februari 2008 ("Cadangan Penambahan Jangkamasa"). Cadangan Penambahan tempoh ini diluluskan oleh pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Luarbiasa yang diadakan pada 29 Januari 2003.

Menurut tawaran keempat ESOS Syarikat pada 24 Februari 2003, Syarikat telah menerima kebenaran dari Malaysia Komisen Syarikat supaya tidak perlu mendedahkan nama pemegang opsiyen yang diberi opsiyen agregat yang kurang daripada 10,000 opsiyen. Nama pemegang opsiyen yang diberi dimana agregat opsiyen melebihi 100,000 adalah seperti berikut:


Bilangan opsiyen dari saham biasa RM1 sesaham

Nama Pemegang Opsyen	Diberi pada tahun ini
Ow Chee Fook	125,000

Matlumat berkanun lain

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa:

- (i) semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu, dan
- (ii) semua aset semasa telah dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai diperolehi bersih.



Laporan Para Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Pada tarikh laporan ni, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

- (i) yang menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dilupuskan atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu, dalam Kumpulan dan Syarikat yang tidak mencukupi dengan ketara, atau
- (ii) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa didalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan, atau
- (iii) perkara yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian harta atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- (iv) yang tidak meliputi didalam laporan ini atau penyata kewangan yang mungkin menyebabkan jumlah yang dinyatakan didalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran keatas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini dan yang menjadi sandaran terhadap sebarang liabiliti pihak lain, atau
- (ii) sebarang liabiliti luarjangka berkaitan dengan Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini.


Tidak ada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain bagi sebarang syarikat dalam Kumpulan yang telah dikuatkuasakan, atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang pada pendapat para Pengarah, akan menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab masing-masing apabila sampai masanya.

Pada pendapat Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 tidak dipengaruhi oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa dan luarbiasa atau sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang telah berlaku dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.


Juruaudit

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesanggupan untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut resolusi para Pengarah,




Lt. Jen. (B) Datuk Hj. Abdul Aziz bin Hassan



Chan Fook Kong

Petaling Jaya

Tarikh: 26 Februari 2004




Penyata Para Pengarah


selaras dengan Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang ditunjukkan di mukasurat 163 hingga 202, memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Akta Syarikat, 1965 dan telah dibuat sesuai dengan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2003 serta keputusan operasi dan aliran tunai mereka bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani menurut resolusi para Pengarah:



.....
Lt. Jen. (B) Datuk Hj. Abdul Aziz bin Hassan



.....
Chan Fook Kong

Petaling Jaya

Tarikh: 26 Februari 2004

Akaun Berkanun

selaras dengan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, **Lilian Leong Lai Yoong**, sebagai pegawai yang bertanggungjawab keatas pengurusan kewangan Tien Wah Press Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang ditunjukkan di mukasurat 163 hingga 202, adalah, pada sebaik-baik kepercayaan dan pengetahuna saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akaun Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui benar oleh penama diatas di Kuala Lumpur, pada 26 Februari 2004.



.....
Lilian Leong Lai Yoong

Dihadapan saya:

Barathan A/L Sinniah @ Chinniah
Pesuruhjaya Sumpah

Kuala Lumpur

Date: 26 Februari 2004

Laporan Juruaudit

Kepada Para Ahli Tien Wah Press Holdings Berhad

(No Syarikat. 340434-K) (DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)

Kami telah mengauditkan penyata kewangan yang ditunjukkan di mukasurat 163 hingga 196. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah memberi pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami.

Kami melakukan pengauditan kami menurut Piawaian-piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk mengumpul semua matlumat dan penjelasan, dimana kami berpendapat perlu untuk melengkapkan kami dengan bukti untuk memberi jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan adalah bebas dari salah nyata yang penting. Audit juga meliputi penyelidikan kenyataan yang berkaitan dengan angka yang ditunjukkan dalam penyata kewangan. Audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip perakaunan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah serta penilaian yang menyeluruh terhadap matlumat yang cukup yang ditunjukkan dalam penyata kewangan. Kami yakin bahawa audit kami adalah munasabah bagi pendapatnya.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut peruntukan yang disediakan dalam Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap:
 - (i) kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2003 dan keputusan operasinya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki dibawah Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambil kira dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, termasuk daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 telah disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk penyediaan penyatuan penyata kewangan dan kami telah menerima matlumat dan penjelasan yang memuaskan untuk tujuan tersebut.

Laporan audit mengenai penyata kewangan subsidiarinya tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak mengandungi sebarang teguran mengikut seksyen kecil (3) Seksyen 174 dibawah Akta tersebut.

KPMG

Nombor Firma: AF 0758

Akauntan Bertauliah


Abdullah Abu Samah

Rakan Firma

Nombor Kelulusan: 2013/06/04(J)

Kuala Lumpur

Tarikh: 26 Februari 2004



Kunci Kira-Kira

pada 31 Disember 2003

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Hartanah, Loji dan Peralatan	2	63,407	70,725	63	148
Pelaburan dalam syarikat subsidiarinya	3	-	-	56,711	59,261
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	4	2,721	-	1,500	-
Penghutang pinjaman	5	-	777	-	-
Aset semasa					
Inventori	6	30,525	33,287	-	-
Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang	7	8,358	17,101	26,708	25,838
Pelaburan lain	8	3,000	-	3,000	-
Tunai dan setara tunai	9	29,763	14,872	14	13
		71,646	65,260	29,722	25,851
Liabiliti semasa					
Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang	10	7,398	11,362	81	92
Pinjaman	11	596	3,363	-	-
Manfaat pekerja-pekerja	12	176	750	-	-
Cukai		523	408	-	-
		8,693	15,883	81	92
Aset semasa bersih		62,953	49,377	29,641	25,759
		129,081	120,879	87,915	85,168
Dibiayai oleh:					
Modal dan rizab					
Modal saham	13	44,850	43,684	44,850	43,684
Rizab	14	64,310	54,157	43,065	41,484
Dana pemegang saham		109,160	97,841	87,915	85,168
Kepentingan pemegang saham minoriti	15	10,911	12,519	-	-
Liabiliti jangka panjang dan tertunda					
Pinjaman	11	-	1,196	-	-
Liabiliti cukai tertunda	16	6,183	5,776	-	-
Manfaat pekerja-pakerja	12	2,827	3,547	-	-
		129,081	120,879	87,915	85,168

Penyata kewangan ini telah diluluskan dan dibenarkan terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 26 Februari 2004.


Nota-nota yang ditunjukkan dari mukasurat 168 hingga 196 merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama dengan penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Hasil					
- jualan barangan		117,587	133,654	-	-
- dividen kasar		-	-	2,561	9,510
		117,587	133,654	2,561	9,510
Kos jualan		(93,040)	(111,061)	-	-
Keuntungan kasar		24,547	22,593	2,561	9,510
Pelbagai pendapatan operasi		3,253	2,250	1,450	-
Kos pengedaran		(2,334)	(2,140)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(5,971)	(5,867)	(640)	(381)
Pelbagai perbelanjaan operasi		(79)	(157)	(14)	(21)
Keuntungan operasi	17	19,416	16,679	3,357	9,108
Kos kewangan	19	(179)	(385)	-	-
Pendapatan faedah		462	301	-	-
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu		638	-	-	-
Keuntungan sebelum cukai		20,337	16,595	3,357	9,108
Perbelanjaan cukai	20	(5,370)	(4,594)	-	-
Keuntungan selepas cukai		14,967	12,001	3,357	9,108
Tolak: kepentingan pemegang saham minoriti		(3,038)	(3,514)	-	-
Keuntungan bersih bagi tahun ini		11,929	8,487	3,357	9,108
Keuntungan asas sesaham biasa (sen)	21	26.9	19.4		
Keuntungan kecairan sesaham biasa (sen)	21	26.4	19.4		
Dividen sesaham biasa-bersih (sen)	22	7.0	5.0	7.0	5.0

Nota-nota yang ditunjukkan di mukasurat 168 hingga 196 merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama dengan penyata kewangan ini.



Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	Nota	Tidak boleh diagihkan			Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab Penilaian RM'000	Rizab modal RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	
Pada 1 Januari 2002		43,617	31,091	4,897	1,000	10,038	90,643
Kesan pengambilan:							
- MASB 25		-	-	(245)	-	-	(245)
- MASB 29		-	-	-	-	(39)	(39)
Baki dinyatakan semula		43,617	31,091	4,652	1,000	9,999	90,359
Keuntungan bersih bagi tahun ini		-	-	-	-	8,487	8,487
Dividen - berakhir 2001	22	-	-	-	-	(1,092)	(1,092)
Terbitan saham							
- Opsyen saham dilaksanakan		67	20	-	-	-	87
Pada 31 Disember 2002		43,684	31,111	4,652	1,000	17,394	97,841
Kumpulan							
Pada 1 Januari 2003		43,684	31,111	4,897	1,000	17,529	98,221
Kesan pengambilan:							
- MASB 25		-	-	(245)	-	-	(245)
- MASB 29		-	-	-	-	(135)	(135)
Baki dinyatakan semula		43,684	31,111	4,652	1,000	17,394	97,841
Keuntungan bersih bagi tahun ini		-	-	-	-	11,929	11,929
Dividen - berakhir 2002	22	-	-	-	-	(2,226)	(2,226)
Terbitan saham							
- Opsyen saham dilaksanakan		1,166	450	-	-	-	1,616
Pada 31 Disember 2003		44,850	31,561	4,652	1,000	27,097	109,160
Syarikat							
Pada 1 Januari 2002		43,617	31,091	-	-	2,357	77,065
Keuntungan bersih bagi tahun ini		-	-	-	-	9,108	9,108
Dividen - berakhir 2001	22	-	-	-	-	(1,092)	(1,092)
Terbitan saham							
- Opsyen saham dilaksanakan		67	20	-	-	-	87
Pada 31 Disember 2002		43,684	31,111	-	-	10,373	85,168
Keuntungan bersih bagi tahun ini		-	-	-	-	3,357	3,357
Dividen - berakhir 2002	22	-	-	-	-	(2,226)	(2,226)
Terbitan saham							
- Opsyen saham dilaksanakan		1,166	450	-	-	-	1,616
Pada 31 Disember 2003		44,850	31,561	-	-	11,504	87,915

Nota 13

Nota 14

Nota 14

Nota 14


Nota 14

Nota-nota yang ditunjukkan di mukasurat 168 hingga 196 merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama dengan penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai	20,337	16,595	3,357	9,108
Pelarasan bagi:				
Susutnilai	6,525	7,826	85	84
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	(1,170)	(1,555)	-	-
Perbelanjaan faedah	179	385	-	-
Pendapatan faedah	(462)	(301)	-	-
Peruntukan manfaat persaraan	(412)	591	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	34	120	-	-
Pendapatan dividen	-	-	(2,561)	(9,510)
Kerugian pertukaran matawang asing tidak direalisasi	-	16	-	-
Keuntungan daripada penjualan subsidiari	(1,503)	-	(1,450)	-
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu	(638)	-	-	-
Keuntungan operasi/(kerugian) sebelum perubahan modal kerja	22,890	23,677	(569)	(318)
Perubahan modal kerja:				
Inventori	(842)	3,502	-	-
Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang	4,677	355	420	(1,608)
Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang	2,072	(5,018)	(11)	(7,740)
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi	28,797	22,516	(160)	(9,666)
Pendapatan cukai dibayar	(4,488)	(5,541)	-	-
Manfaat persaraan dibayar	(747)	(335)	-	-
Dividen diterima	-	-	1,271	10,677
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	23,562	16,640	1,111	1,011
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan				
Pelbagai pelaburan	(3,000)	-	(3,000)	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(4,449)	(9,804)	-	-
Kutipan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	1,329	2,613	-	-
Faedah diterima	462	247	-	-
Kutipan daripada penjualan syarikat subsidiari	1,184	-	2,500	-
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(4,474)	(6,944)	(500)	-



	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan				
Faedah dibayar	(179)	(385)	-	-
Penerimaan daripada pinjaman berjangka	-	1,884	-	-
Pembayaran semula pinjaman berjangka	-	(4,222)	-	-
Pembayaran liabiliti sewa beli	-	(43)	-	-
Penerimaan jurubank	(2,086)	93	-	-
Pembayaran dividen kepada pemegang saham	(2,226)	(1,092)	(2,226)	(1,092)
Pembayaran dividen kepada pemegang saham minoriti	(1,221)	(245)	-	-
Penerimaan daripada terbitan saham oleh Syarikat	1,616	87	1,616	87
Penerimaan daripada terbitan saham oleh pemegang saham minoriti dalam subsidiari	-	-	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(4,096)	(3,923)	(610)	(1,005)
Tambahan bersih dalam tunai dan setara tunai	14,992	5,773	1	6
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	(i) 14,175	8,402	13	7
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	(i) 29,167	14,175	14	13

i) *Tunai dan setara tunai*

Tunai dan setara tunai yang termasuk dalam penyata aliran tunai terdiri daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Tunai dan baki bank	1,063	2,572	14	13
Deposit dengan bank berlesen	28,700	12,300	-	-
Overdraf bank	(596)	(697)	-	-
	29,167	14,175	14	13

Nota-nota yang ditunjukkan di mukasurat 168 hingga 196 merupakan sebahagian asasi, dan perlu dibaca bersama dengan penyata kewangan ini.

Nota Penyata Kewangan

1. Ringkasan bagi dasar penting perakaunan

Polisi perakaunan yang berikut ini telah digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat dan adalah sejajar dengan polisi perakaunan yang diamalkan pada tahun-tahun yang dulu kecuali penggunaan yang berikut:

- (i) MASB 25, Cukai Pendapatan;
- (ii) MASB 27, Kos Peminjaman; dan
- (iii) MASB 29, Manfaat Pekerja

Dengan polisi tambahan yang baru dan pendedahan yang diperlukan dalam peruntukan baru ini, perubahan polisi perakaunan ini akan ditunjukkan di Nota 32 penyata kewangan.

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut asas kos sejarah kecuali dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan dan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan dibuat dengan piawai perakaunan yang diluluskan di Malaysia.


(b) Asas penyatuan

Subsidiari-subsidiari adalah urusniaga yang dikawal oleh Syarikat. Kawalan wujud apabila Syarikat mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mentadbir polisi-polisi kewangan dan operasi urusniaga supaya memperolehi faedah daripada aktiviti-aktivitinya. Penyata kewangan subsidiarinya adalah termasuk dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh pelupusan. Subsidiarinya disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan kecuali Tien Wah Press (Malaya) Sdn Bhd yang menggunakan kaedah perakaunan gabungan.

Dibawah kaedah perakaunan pengambilalihan, keputusan subsidiarinya diambalilih atau dijual semasa tahun tersebut adalah termasuk dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama bagi aset bersih subsidiarinya ditentukan dan nilai-nilai ini ditunjukkan didalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan diantara kos pengambilalihan dan nilai saksama bagi aset bersih subsidiarinya ini ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibah atau rizab atas penyatuan ini.

Dibawah kaedah perakaunan bergabung, keputusan subsidiarinya akan ditunjukkan dimana syarikat-syarikat dianggap telah bergabung sepanjang jangka penyata kewangan yang semasa dan yang terdahulu. Perbezaan diantara kos pembelian dan nilai nominal modal saham dan rizab subsidiarinya yang telah digabung dimasukkan ke dalam rizab pergabungan.

Semua urusniaga dan baki dengan anak-anak syarikat dan keuntungan yang belum dihasilkan akan dihapuskan pada penyatuan. Kerugian yang belum dihasilkan dari urusniaga juga akan dihapuskan kecuali kos yang tidak boleh diperolehi kembali.



1. Ringkasan bagi dasar penting perakaunan (sambungan)

(c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah urusniaga dimana Syarikat mempunyai pengaruh besar tetapi bukan kawalan, terhadap sebarang polisi kewangan dan operasinya.

Penyata kewangan yang disatukan termasuk jumlah keuntungan dan kerugian syarikat bersekutu berasaskan perkiraan ekuiti dari tarikh pengaruh besar tersebut bermula dengan efektif sehingga pengaruh besar tersebut berakhir secara efektif.

Transaksi keuntungan yang belum dihasilkan diantara Kumpulan dan syarikat bersekutu yang dimasukkan dalam aset dan liabiliti berkaitan akan dihapuskan mengikut kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu itu. Transaksi kerugian yang belum dihasilkan juga akan dihapuskan sebahagiannya kecuali kos yang tidak boleh diperolehi kembali.

Pembelian muhibah adalah dikira pada nilai aset bersih yang berpatutan.

(d) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan telah dinyatakan pada kos atau penilaian tolak susutnilai terkumpul dan rugi kerosakan.

Pihak Kumpulan menilai semula hartanahnya yang mengandungi tanah dan bangunan setiap 5 tahun atau pada jarak masa yang lebih singkat sekiranya nilai saksama aset yang telah dinilai semula adalah dijangka berbeza dengan ketara berbanding dengan nilai pegangannya.

Lebihan yang disebabkan oleh penilaian semula tersebut akan diambil kira didalam akaun rizab penilaian semula hartanah. Sebarang defisit yang terhasil akan diimbangi oleh rizab penilaian semula setakat pengningkatan sebelumnya bagi hartanah yang sama. Untuk perkara lain, penurunan nilai pegangan akan dicaj kepada penyata pendapatan.

Hartanah, loji dan peralatan yang tidak digunakan dan disimpan untuk dihapuskan akan ditunjukkan dibawah nilai pegangan pada tarikh peralatan yang tidak digunakan tolak rugi kerosakan, jika ada.

Susutnilai

Tanah pegangan pajakan dilunas secara ansuran yang sama sepanjang jangkamasa pajakan masing-masing daripada tempoh 63 hingga 67 tahun manakala bangunan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus yang mana lebih pendek antara 40 tahun atau jangkamasa pajakan. Lain-lain hartanah, loji dan peralatan akan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset dalam tempoh anggaran jangka kegunaannya.

Beriku adalah kadar tahunan utama yang digunakan:

Pengubahsuaian	2% - 10%
Loji dan mesin-mesin	7 1/2% - 33 1/3%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	10% - 20%
Penyama udara	10%

Nota Penyata Kewangan

1. Ringkasan bagi dasar penting perakaunan (sambungan)

(e) Sewa beli

Aset sewa beli dimana pihak Kumpulan yang memegang pemilikan risiko dan ganjaran adalah dikelaskan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Aset yang diperolehi dengan sewa beli akan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah dan nilai semasa bagi pembayaran sewa beli minima pada permulaan sewa beli, tolak susutnilai terkumpul dan rugi kerosakan, jika ada.

Dalam pengiraan nilai semasa bagi pembayaran sewa beli minima, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat didalam sewa beli, sekiranya praktikal; jika tidak, kadar tambahan pinjaman Kumpulan akan digunakan.

(f) Pelaburan

Pelaburan jangka panjang, selain daripada pelaburan subsidiari-subsidiarinya dan syarikat bersekutu, telah dinyatakan pada kos. Peruntukan dibuat apabila para Pengarah berpendapat terdapat kemerosotan nilainya yang lain daripada yang sementara.

Pelaburan jangka panjang di subsidiari-subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos di dalam Syarikat, tolak rugi kerosakan yang mana berkenaan.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos nilai yang terendah dan nilai realisasi bersih dengan menggunakan kos purata berwajaran sebagai asas utama bagi kos. Kerja yang masih dilaksanakan dan pengeluaran barangan, termasuk kos barangan mentah, tenaga buruh langsung dan bahagian overhead pengeluaran tetap dan berubah yang sesuai.

(h) Perdagangan dan pelbagai penghutang

Perdagangan dan pelbagai penghutang adalah dinyatakan pada nilai kos ditolak elaun hutang ragu.


Penghutang berkenaan yang buruk adalah dihapuskira dan elaun adalah ditentukan untuk penghutang yang tidak boleh diambil kembali.

(i) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai dari tunai dalam pegangan, baki bank dan deposit dengan bank-bank dan pelaburan mudah cair yang sedia ditukarkan ke jumlah tunai dan tidak mempunyai risiko perubahan dalam nilai. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai akan ditunjukkan sebagai overdraf bank bersih.

(j) Liabiliti

Pinjaman dan perdagangan dan pelbagai perbelanjaan dinyatakan pada nilai nyata.



1. Ringkasan bagi dasar penting perakaunan (sambungan)

(k) Penurunan nilai

Jumlah aset Kumpulan, selain daripada inventori dan aset kewangan (selain daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu), adalah dipertimbangkan pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk memastikan sama ada indikasi penurunan nilai. Kalau terdapat indikasi, aset kewangan yang boleh dikembalikan akan ditaksirkan. Penurunan nilai adalah dibenarkan apabila jumlah aset atau unit hakmilik yang menghasilkan tunai lebih daripada jumlah yang boleh dikembalikan. Penurunan nilai adalah dibenarkan pada penyata pendapatan, kecuali aset dinilai semula, dimana penurunan nilai akan dicaj ke ekuiti.

Jumlah yang dikembalikan adalah amat penting bagi harga aset jualan bersih dan nilai yang digunakan. Untuk menaksirkan nilai yang digunakan, taksiran aliran tunai bakal adalah disisih kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa duit dan risiko aset. Bagi aset yang tidak menghasilkan aliran tunai bebas yang besar, jumlah dikembalikan akan dipertimbangkan pada unit hakmilik aset yang menghasilkan tunai.

Kerugian dari penurunan nilai akan diperbalikkan apabila terdapat perubahan dalam penaksiran yang digunakan untuk mempertimbangkan jumlah dikembali dan ia akan diperbalikkan hanya jika jumlah aset tidak melebihi jumlah yang ditaksirkan, susutnilai bersih, kalau penurunan nilai tidak boleh diiktirafkan. Perbalikkan ini akan dibenarkan di penyata pendapatan, kecuali ia memperbalikkan penurunan nilai pada penilaian aset semula, dimana ia akan dicaj ke ekuiti.

(l) Syarikat bergabung

Bagi tujuan penyata kewangan sebuah "syarikat bergabung" merujuk kepada sebuah syarikat yang memegang kepentingan efektif tidak kurang daripada 20% dan tidak melebihi daripada 50% dalam Syarikat atau subsidiari-subsidiarinya dan melibatkan juga pelaburan syarikat perbadanan yang berkaitan.


(m) Cukai pendapatan

Cukai keatas keuntungan atau kerugian untuk tahun ini adalah mengandungi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan adalah dibenarkan dalam penyata pendapatan kecuali ia berkaitan dengan perkara berkenaan dengan ekuiti langsung, dimana ia dibenarkan di ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai dibayar pada cukai pendapatan untuk tahun ini, dengan menggunakan kadar cukai atau biasa pada tarikh kunci kira-kira, dan penyesuaian pembayaran cukai yang dibuat pada tahun yang lalu.

Cukai tertunda disediakan berasaskan kaedah liabiliti bagi kesemua perbezaan sementara yang timbul keatas asas cukai aset dan liabiliti dan pegangan jumlah dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara tidak boleh dimasukkan pada muhibah, tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai dan kebenaran aset dan liabiliti pada masa transaksi yang tidak menjejaskan perakaunan atau cukai keatas keuntungan. Jumlah cukai tertunda berasaskan pada aset dan liabiliti direalisasi atau diselesaikan, dengan menggunakan kadar cukai atau biasa pada tarikh kunci kira-kira.

Aset cukai tertunda adalah dibenarkan jika keuntungan cukai masa depan diadakan dimana aset boleh digunakan.



Nota Penyata Kewangan

1. Ringkasan bagi dasar penting perakaunan (sambungan)

(n) Manfaat pekerja

Rancangan sumbangan ditakrifkan

Kewajipan kepada sumbangan ditakrifkan adalah dikenakan sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan.

Skim manfaat ditakrifkan

Kumpulan telah melaksanakan satu skim manfaat yang tidak bersifat wang untuk pekerja-pekerja yang layak. Peruntukan manfaat persaraan adalah dipertimbangkan oleh pakar aktuari dengan menggunakan kaedah kredit unit amalan dimana ia dikira berdasar pada manfaat jangkaan upah masa depan pekerja dengan masa perkhidmatan selama ini. Kadar diskaun ialah hasil pasaran digunakan pada tarikh kunci kira-kira untuk bon korporat bermutu tinggi atau bon kerajaan.

Penilaian aktuari pada skim adalah dilaksanakan pada setiap tiga tahun. Penilaian yang terakhir telah dijalankan pada 31 Disember 2003.

Ekuiti dan manfaat ganti-rugi berkaitan ekuiti

Program opsyen saham membenarkan kakitangan yang layak dalam Kumpulan untuk membeli saham Syarikat. Bila opsyen ini dilaksanakan, ekuiti akan bertambah mengikut jumlah yang diterima.

(o) Pertukaran matawang asing

Urusniaga dalam matawang asing adalah ditukar ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga dilakukan. Aset dan liabiliti berunsur monetari dalam matawang asing pada tarikh kunci kira-kira ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran asing terjadi pada urusniaga akan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Aset dan liabiliti berunsur tidak monetari dalam matawang asing, yang telah dinyatakan pada kos sejarah, adalah ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga dilakukan.


Kadar tutup yang digunakan dalam penukaran bagi aset dan liabiliti monetari dalam matawang asing adalah seperti berikut:

1USD	RM3.80	(2002 :	1USD	RM3.80)
1SGD	RM2.23	(2002 :	1SGD	RM2.21)
1CHF	RM3.06	(2002 :	1CHF	RM2.77)
1EUR	RM4.78	(2002 :	1EUR	RM4.02)
1AUS	RM2.85	(2002 :	1AUS	RM2.17)

(p) Kontrak pertukaran matawang asing hadapan

Kumpulan menggunakan kontrak pertukaran matawang asing hadapan untuk membentengkan dedahan kepada risiko pertukaran matawang asing yang berasal dari aktiviti operasinya.

Kontrak pertukaran matawang asing hadapan digunakan dengan tujuan membentengkan akan diambil kira dalam asas sesama pada aset, liabiliti dan posisi bersih. Setiap keuntungan atau kerugian akan dipertimbangkan dalam asas yang sama berpunca daripada aset, liabiliti dan posisi bersih berkenaan.



1. Ringkasan bagi dasar penting perakaunan (sambungan)

(q) Pendapatan

i) Jualan barangan

Pendapatan dari hasil jualan barangan diukur pada nilai saksama bagi penerimaan yang dipertimbangkan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila risiko dan ganjaran bagi hakmilik telah ditukarkan kepada para pembeli.

ii) Pendapatan dividen


Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujud hak untuk mendapatkan bayaran.

iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan sebagai akru, dengan mempertimbangkan kesan hasil pada aset.

(r) Kos kewangan


Semua faedah dan kos lain yang berkaitan pinjaman, adalah diambil kira sebagai pembelanjaran. Komponen faedah bagi sewa beli diiktiraf dalam penyata pendapatan supaya dapat memberi kadar faedah berjadual yang stabil bagi liabiliti yang belum dijelaskan pada setiap akhir tempoh perakaunan.



Nota Penyata Kewangan

2. Hartanah, loji dan peralatan

Kumpulan	Tanah					Perabot,		
	Pajakan		Pengubah-	Loji dan	Kenderaan	kelengkapan	Penyaman	
Kos/Penilaian	panjang	Bangunan	suaian	mesin	bermotor	dan peralatan	udara	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	pejabat	RM'000	RM'000
						RM'000		
Pada 1 Januari 2003	15,000	11,827	1,691	96,638	2,006	6,504	1,117	134,783
Tambahan	-	53	66	3,762	133	419	16	4,449
Penjualan	-	-	-	(266)	(36)	(27)	-	(329)
Penghapusan	-	-	-	(597)	-	-	-	(597)
Penjualan subsidiari	-	-	(979)	(31,931)	(302)	(1,278)	(104)	(34,594)
Pada 31 Disember 2003	15,000	11,880	778	67,606	1,801	5,618	1,029	103,712
Mewakili perkara-perkara pada								
Kos	-	396	778	67,606	1,801	5,618	1,029	77,228
Penilaian Para Pengarah	15,000	11,484	-	-	-	-	-	26,484
Pada 31 Disember 2003	15,000	11,880	778	67,606	1,801	5,618	1,029	103,712
Susutnilai terkumpul								
Pada 1 Januari 2003	263	397	105	57,349	989	4,120	835	64,058
Caj bagi tahun	263	403	81	5,025	328	397	28	6,525
Penjualan	-	-	-	(112)	(37)	(22)	-	(171)
Penghapusan	-	-	-	(563)	-	-	-	(563)
Penjualan subsidiari	-	-	(48)	(28,734)	(196)	(542)	(24)	(29,544)
Pada 31 Disember 2003	526	800	138	32,965	1,084	3,953	839	40,305
Nilai buku bersih								
Pada 31 Disember 2003	14,474	11,080	640	34,641	717	1,665	190	63,407
Pada 31 Disember 2002	14,737	11,430	1,586	39,289	1,017	2,384	282	70,725
Caj susutnilai bagi tahun berakhir								
31 Disember 2002	263	399	86	6,249	312	472	45	7,826



2. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Syarikat

Pada kos	Kenderaan bermotor RM'000
Pada 1 Januari 2003	421
Tambahan	-
Pada 31 Disember 2003	421
Susutnilai terkumpul	
Pada 1 Januari 2003	273
Caj bagi tahun	85
Pada 31 Disember 2003	358
Nilai buku bersih	
Pada 31 Disember 2003	63
Pada 31 Disember 2002	148
Caj susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2002	84

Penilaian semula


Tanah pegangan pajakan dan bangunan Kumpulan adalah dinyatakan dalam penilaian para Pengarah pada 31 Disember 2001 adalah berdasarkan penilaian profesional yang dijalankan oleh penilai berdaftar secara pasaran terbuka pada Disember 2001.

Tanah pegangan pajakan dan bangunan yang dibawa pada penilaian sekiranya dinyatakan pada kos sejarah, nilai buku bersih bagi tanah pegangan pajakan dan bangunan adalah berjumlah RM1,648,000 (2002 - RM1,678,000) dan RM5,648,000 (2002 - RM5,890,000) masing-masing.

3. Pelaburan dalam subsidiari-subsiari

	Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Saham tidak disebut harga, pada kos	56,711	59,261

Keterangan lanjut syarikat subsidiarinya adalah ditunjukkan dalam Nota 26 penyata kewangan.



Nota Penyata Kewangan

4. Pelaburan pada syarikat bersekutu

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Saham tidak disebut harga	1,500	-	1,500	-
Bahagian Kumpulan dalam rizab selepas pengambilalihan	1,221	-	-	-
	2,721	-	1,500	-
Diwakili oleh:				
Bahagian Kumpulan dalam aset bersih	2,721	-		

Butir-butir syarikat bersekutu adalah seperti berikut:


Nama syarikat	Aktiviti utama	Negara diperbadankan	Kepentingan pemilikan efektif	
			2003 %	2002 %
Interbobbin (Malaysia) Sdn. Bhd.	Mengilang dan menjual kertas hujung rokok piawai dan bertebuk.	Malaysia	30	- *

* Dianggap sebagai subsidiari pada tahun lepas (rujukan Nota 26).

5. Penghutang pinjaman

Pinjaman adalah pendahuluan yang dibuat oleh salah sebuah syarikat subsidiarinya kepada kontraktor untuk tujuan membina projek kilang di Pusat Bandar Puchong dimana syarikat subsidiarinya sedang menyewakannya. Pinjaman sebanyak RM600,000 adalah tidak dicagar dan dicaj faedah sebanyak 9% setahun.

Pada 1 April 2003, subsidiari ini sudah menjadi sebagai syarikat bersekutu dalam Syarikat.



6. Inventori

	Kumpulan	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Bahan mentah	17,223	20,550
Barangan dalam transit	487	281
Kerja dalam pelaksanaan	4,486	3,250
Pengeluaran inventori	7,587	8,143
Barangan stor dan alat ganti	742	1,063
	<hr/>	<hr/>
	30,525	33,287

Termasuk di atas adalah inventori yang dinyatakan pada nilai bersih direalisasi seperti berikut:

Kerja dalam pelaksanaan	-	30
Alat ganti	405	460

7. Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Penghutang perdagangan	7,287	6,460	-	-
Lain-lain penerimaan, deposit dan bayaran terdahulu	1,071	1,082	138	132
Syarikat bergabung - perdagangan	-	9,559	-	-
Syarikat subsidiarinya - bukan penghutang perdagangan	-	-	24,770	25,196
Penerimaan dividen	-	-	1,800	510
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8,358	17,101	26,708	25,838

8. Pelaburan lain

	Kumpulan dan Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Unit trust	3,000	-
Nilai pasaran	3,171	-

Nota Penyata Kewangan

9. Tunai dan setara tunai

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Tunai dan baki bank	1,063	2,572	14	13
Deposit dengan bank-bank berlesen	28,700	12,300	-	-
	29,763	14,872	14	13

10. Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang

	Kumpulan		Syarikat	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Pemiutang perdagangan	4,387	7,646	-	-
Lain-lain pemiutang dan akruan	3,011	3,320	81	92
Syarikat bergabung - bukan pemiutang perdagangan	-	396	-	-
	7,398	11,362	81	92


11. Peminjaman (tidak bercagar)

	Kumpulan	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Semasa		
Pinjaman berjangka	-	776
Penerimaan jurubank	-	1,890
Overdraf bank	596	697
	596	3,363
Bukan-semasa		
Pinjaman berjangka	-	1,196

Overdraf bank dikenakan faedah berubah pada kadar antara 7.00% hingga 7.40% (2002 - 7.40%) setahun.

Penerimaan jurubank dikenakan faedah berubah pada kadar antara 3.50% hingga 3.63% (2002 - 3.49% hingga 3.53%) setahun.

Pinjaman berjangka yang diterima bagi syarikat subsidiari dahulu dan dikenakan faedah pada kadar antara 6.45% hingga 7.40% setahun dalam tahun yang lalu.



12. Manfaat pekerja-pekerja

	Kumpulan	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Nilai semasa obligasi tidak bersifat wang	3,003	4,297
Liabiliti diiktiraf untuk obligasi manfaat ditakrifkan	3,003	4,297
Tolak: Bahagian semasa	(176)	(750)
Bukan bahagian semasa	2,827	3,547

Liabiliti untuk obligasi manfaat ditakrifkan

Kumpulan menjalankan satu skim manfaat ditakrifkan yang membawa manfaat pencen untuk pekerja yang bersara. Dibawah skim ini, pekerja-pekerja yang layak adalah berhak untuk menerima manfaat bersara berjumlah sebanyak 86% dari gaji pokok yang terakhir untuk setiap tahun perkhidmatan apabila bersara pada umur 55 bagi lelaki dan 50 bagi perempuan.

